

IGB rancang projek bercampur nilai GDV RM10b

» *Syarikat cari tanah untuk bina hotel, kediaman, pusat beli-belah*

Oleh Lum Chee Hong
lumch@bh.com.my

IGB Corporation Bhd, pemaju harta tanah terkemuka di Malaysia merancang untuk membangunkan projek pembangunan bercampur di dalam dan luar negara, dalam tempoh lima hingga lapan tahun dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM10 bilion.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Seri Robert C M Tan, berkata syarikat itu akan mendapat tanah bagi membina hotel, kediaman, pusat beli-belah dan perniagaan.

“Kita sedang melihat untuk memperoleh tanah dan akan membelinya sekiranya ia perjanjian yang baik.

Bergerak perlahan
“Kita kini bergerak perlahan dalam perolehan

tanah berbanding dengan syarikat harta tanah lain,” katanya pada sidang media selepas mesyuarat agung tahunan (AGM) IGB Corporation Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

Robert berkata, antara projek utama yang akan diberi tumpuan ialah Mid Valley Southkey di Johor dengan berkeluasan kira-kira 70 peratus daripada Mid Valley dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2018.

Projek di London

“Kita juga mempunyai beberapa projek di luar negara iaitu di London, United Kingdom dengan GDV sehingga RM8 bilion,” katanya.

Sementara itu, Robert berkata, pihaknya masih mengkaji untuk mengambil alih hotel sedia atau tanah strategik bagi membina hotel di negara ini dan luar negara selain akan membina sebuah hotel di Bangkok, Thailand.

“Selain itu, sebuah hotel baru siap dibina dan dilengkapi 280 bilik di Sydney, Australia akan dibuka bulan depan,” katanya.

“Kita juga baru membuka dua hotel di Pulau Pinang yang mempunyai

700 bilik dan sebuah hotel di Ipoh, Perak yang dilengkapi kira-kira 200 bilik,” katanya.

Mengenai prestasi jualan di Mid Valley dan The Gardens, beliau berkata, jualan bertambah 20 peratus pada suku pertama, berbanding lapan peratus pada suku sama tahun sebelumnya.

“Ini berikutan ramai orang membeli-belah sebelum pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Namun, saya jangka prestasi jualan perlahan sedikit mulai bulan ini,” katanya.

Lakukan yang terbaik

Beliau juga menjangkakan keadaan adalah sangat mencabar pada suku keempat tahun ini dan akan melakukan yang terbaik seperti pada tahun lalu.

Kumpulan itu mencatatkan hasil pendapatan RM1.17 bilion bagi tahun kewangan 2014, meningkat lapan peratus berbanding RM1.09 juta direkodkan pada tahun kewangan sebelumnya.

Keuntungan sebelum cukai meningkat RM422.2 juta, meningkat lima peratus berbanding RM397.8 juta pada tahun sebelumnya.